

TEKS UCAPAN

(Sila Semak Semasa Penyampaian)

**YBHG DATO' SERI DR ALI BIN HAMSA,
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

MAJLIS PENYAMPAIAN

HADIAH SASTERA

KUMPULAN UTUSAN EXXONMOBIL 2011

5 OKTOBER 2012

HOTEL SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamed Hashim
Ahmad Makaruddin
Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Utusan

Yang Berbahagia Datuk Mohd Nasir Ali
Pengarah Eksekutif Kumpulan, Kumpulan
Utusan

Yang Berbahagia Datuk Abdul Aziz Ishak
Ketua Pengarang Kumpulan, Kumpulan
Utusan

Yang Berusaha Encik J. Hunter Farris
Pengerusi Subsidiari-Subsidiari ExxonMobil
Di Malaysia

Yang Berusaha Encik Zin Mahmud
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Hadiah
Sastera Kumpulan Utusan ExxonMobil 2012
merangkap Pengarang Mingguan Malaysia

Panel Penilai Hadiah Sastera Kumpulan
Utusan ExxonMobil 2011

Para Pemenang

Dif-dif kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia!

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Utusan yang telah mengundang saya buat julung kalinya ke Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan ExxonMobil 2011 pada malam ini.

2. Sesungguhnya saya merasa amat bertuah kerana pada malam ini berpeluang untuk bersama-sama para karyawan sastera khususnya para penulis tanah air untuk berkongsi rasa dan bangga di atas pengiktirafan karya-karya yang telah dihasilkan melalui sayembara berprestij ini.

3. Walaupun banyak wujud sayembara sastera di negara ini, namun penganjuran Hadiah Sastera dengan penuh konsisten hampir 27 tahun oleh Kumpulan Utusan ini

wajar dipuji kerana komitmen jelas menggalakkan perkembangan kesusasteraan Melayu tanah air.

4. Penyertaan hampir ratusan karyawan daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kerjaya dikira berkemampuan untuk terus maju kerana ia seiring dengan kewujudan negara kita.

5. Penyediaan ruangan-ruangan sastera di dalam penerbitan Kumpulan Utusan menunjukkan komitmen memajukan dunia kesusasteraan dan membuka pintu seluas-luasnya kepada para penulis mempamerkan bakat masing-masing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pendedahan kepada generasi muda untuk menghayati kegiatan sastra boleh memperkuat kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

7. Perkembangan kesusasteraan dan kebudayaan tidak seharusnya diketepikan dalam usaha untuk menjadikan bangsa dan negara yang maju selaras dengan peredaran sains dan teknologi.

8. Sehubungan dengan itu, kita harus berusaha untuk mempertahankan dan mengembangkan aspek-aspek kesusasteraan dan kebudayaan ini demi untuk menjadikan bangsa kita sebuah

bangsa yang bukan sahaja maju tetapi beridentiti.

9. Para karyawan dan budayawan terutamanya golongan penulis mempunyai tanggungjawab yang besar dengan melahirkan karya-karya yang boleh memberikan kesedaran dalam mempertingkatkan martabat bangsa. Kita percaya bahawa dengan karya-karya yang baik dan bermutu akan dapat mencerminkan nilai tamadun bangsa kita yang sudah sememangnya kaya dengan nilai-nilai murni.

10. Saya amat berbangga kerana Hadiah Sastera Kumpulan Utusan telah melahirkan ramai penulis yang berwibawa, bukan sahaja di kalangan yang mapan malah

generasi baru yang berbakat besar dalam bidang penulisan. Mereka ini perlu diberi dorongan dan pengiktirafan untuk memotivasikan mereka bagi terus melahirkan karya-karya yang terbaik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Penguasaan ilmu amat penting dalam usaha untuk menghasilkan sesebuah karya yang bertaraf antarabangsa atau dapat dijadikan bahan rujukan para pengkaji sastera. Zaman menghasilkan karya berunsurkan khayalan dan mimpi-mimpi indah yang keterlaluan telah lama berlalu. Sebaliknya karyawan pada zaman ini perlu bersifat progresif dan dinamik. Karya-karya perlulah berupaya menggerakkan pemikiran

dan mencabar minda, bukan hanya angan-angan dan khayalan semata-mata.

12. Saya yakin akan keupayaan sastera Melayu untuk terus maju kerana ia merupakan legasi yang wujud seiring dengan kewujudan negara kita sama ada sebelum mahupun selepas merdeka. Sebelum merdeka, sastera Melayu tidak mendapat sokongan kerajaan kolonial, namun pendokongnya terus bergiat memajukannya.

13. Malahan, kepentingan sastera Melayu terserlah apabila menjadi sebahagian daripada alat menggerakkan semangat nasionalisme dan patriotisme di kalangan rakyat yang akhirnya bangkit untuk menolak pentadbiran kolonial British.

14. Ini juga seiring dengan sejarah Utusan yang lahir daripada semangat perjuangan bangsa Melayu dalam menuntut kemerdekaan. Saya yakin Utusan akan terus memainkan peranannya sebagai suara rakyat yang bersifat seimbang, bijak membantu dalam membentuk masyarakat yang harmoni, rasional, berfikiran terbuka dan pandai menyesuaikan diri dengan perkembangan antarabangsa.

15. Karyawan pula sebaik-baiknya menghasilkan karya yang indah dengan bahasa dan membawa mesej yang menyumbang ke arah pembangunan negara, selaras dengan Gagasan 1Malaysia.

16. Ruang yang luas dalam menerokai bidang sastera yang merangkumi pelbagai genre seperti novel, puisi, cerpen dan esei perlu digunakan sebaik-baiknya oleh penulis-penulis daripada latar yang berbeza mahupun dari kalangan bukan Bumiputera yang menambah kepelbagaian ragam dalam gaya bahasa, tema dan persoalan yang baru serta melahirkan karya yang lebih kreatif dan berkualiti. Ini secara tidak langsung dapat menjadikan sayembara ini sebagai landasan bagi semua lapisan rakyat menggerakkan minda, nilai serta mesej ke arah satu kelompok bangsa yang bersepadu.

17. Pujian juga harus diberikan kepada para penulis khususnya pemenang-pemenang Hadiah Sastera ini yang tidak

jemu-jemu menulis demi menghasilkan satu wadah demi memartabatkan bidang kesusasteraan di negara ini. Semoga pengiktirafan yang diberikan kepada para pemenang pada malam ini akan terus memberi rangsangan kepada mereka untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu.

Hadirin sekalian,

18. Kerjasama di antara Kumpulan Utusan dan ExxonMobil dalam usaha memajukan kesusasteraan Melayu adalah inisiatif yang wajar dicontohi dan perlu diteruskan dari masa ke semasa. Ianya bolehlah di anggap satu inspirasi yang melambangkan kesepaduan idea dan aspirasi masyarakat di negara ini.

19. Harapan saya agar lebih banyak lagi syarikat-syarikat korporat dapat menjadikan sastera sebagai salah satu daripada program khidmat masyarakat mereka serta menjalinkan usahasama seperti ini. Di samping memikirkan keuntungan dan prestasi kewangan, sumbangan kepada masyarakat juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

20. Syabas diucapkan kepada Kumpulan Utusan dan ExxonMobil atas kerjasama erat selama 10 tahun ini dalam usaha melihat sayembara ini terus bertahan dan diangkat ke tahap yang lebih tinggi.

21. Akhir kata, sekalung tahniah kepada semua pemenang yang berjaya pada hari ini. Manfaatkanlah anugerah yang

dikurniakan Allah S.W.T. ini dengan menghasilkan karya sastera kreatif yang bermoral dan yang benar-benar mencerminkan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang moden, maju, progresif, bemarkuah dan berdisiplin. Semoga kemenangan ini akan terus menjadi pendorong kepada anda semua untuk terus menghasilkan karya yang bermutu.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufikwalhidayah
wassalammualaikum
warahmatullahiwarakaatuh.